

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Permohonan Khairi untuk menyertai ekspedisi mendaki itu telah ditolak _____ tidak menepati syarat.

A supaya C bahawa
B kerana D atau

2. Zamilah singgah di bazar untuk membeli cenderamata _____ tiada satu pun yang menarik hatinya.

A lalu C tetapi
B jika D apabila

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Adila membalas mesej pada telefon bimbitnya _____ melipat pakaian di ruang tamu.

A serta C tetapi
B sambil D sementara

4. Keluarga Azhar boleh menginap di Hotel Surian _____ di Rumah Tetamu Melati _____ bercuti di Perlis.

A atau ... jika
B dan ... tetapi
C jika ... kerana
D serta ... sambil

5. Usahlah kita cepat melatah _____ perlakuan salah kita ditegur oleh orang lain.

A dan
B yang
C apabila
D bahawa

6. Ibu menguruh Hartini membancuh air teh _____ ibu menyiapkan cucur udang untuk minum petang.

A atau C sekiranya
B walaupun D sementara

7. Roslin tetap meneruskan usaha untuk maju dalam bidang perniagaan _____ dia pernah gagal dahulu.

A lalu C walaupun
B tetapi D supaya

8. Rakaman kamera litar tertutup itu menjadi bukti _____ lelaki itu pernah mencerooboh masuk ke rumah pendakwa raya.

A agar C sambil
B bahawa D kerana

9. Puan Faezah menasihati anaknya _____ pandai menjaga diri ketika berada di rantau orang.

A agar C serta
B atau D yang

10. Calon-calun peperiksaan diminta supaya mendengar _____ memahami petikan dalam sesi ujian lisan _____ mula menjawab soalan.

A dan ... sementara
B dan ... sebelum
C atau ... selepas
D lalu ... sekiranya

11. "Sama ada kamu bayar pampasan atas kerosakan ini _____ saya laporkan kepada polis," kata Encik Shuib kepada pemandu yang melanggar pagar rumahnya.

A atau
B serta
C sambil
D kerana

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah ini.



12. Kerja melukis itu mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan _____ hasilnya sangat memuaskan hati.
 A jika C bahawa
 B tetapi D walaupun
13. Makanan mentah seperti ayam dan ikan hendaklah disimpan di dalam bekas yang berasingan _____ tidak mudah tercemar.
 A apabila C supaya
 B kerana D meskipun

14. Tidak ada impian yang mustahil untuk dicapai _____ kita mempunyai keazaman yang kuat.
 A selepas C tetapi
 B sementara D sekiranya
15. Pak Cik Kamarulzaman memberhentikan keretanya di tepi jalan _____ mengajak Sufian masuk untuk dihantar ke sekolah bersama dengan anaknya.
 A lalu
 B apabila
 C bahawa
 D atau
16. Anggota tentera itu kehilangan kaki kanannya _____ terkena jerangkap samar dalam satu operasi di hutan.
 A jika
 B yang
 C kerana
 D supaya

Praktis 2

Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

- Kereta boleh diletakkan di halaman rumah _____ di ruang lapang berdekatan padang.
 atau () apabila () lalu ()
- Sofian memanggil nama Johari _____ tiada sesiapa yang muncul di pintu rumah itu.
 kerana () serta () tetapi ()
- Kerja ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual _____ kita asyik berlengah-lengah.
 dan () jika () yang ()
- Nota dalam bentuk peta minda itu dihasilkan _____ lebih mudah untuk kita faham.
 apabila () bahawa () supaya ()
- Farah mengemas buku-buku di atas meja _____ mencari pin tudungnya yang hilang.
 sambil () kerana () tetapi ()

Praktis 3

Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat-ayat yang diberikan.

1. Perlawanan bola jaring itu tetap diteruskan _____ hari hujan.	sebelum
2. Hilmi terdiam sejenak _____ teringat akan arwah neneknya.	kerana
3. Dian berhati-hati ketika memotong kertas _____ gunting itu tajam.	jikalau
4. Para penumpang perlu membeli tiket terlebih dahulu _____ menaiki tren transit aliran ringan.	apabila
5. Kita hendaklah segera meminta maaf _____ kita berbuat salah.	tetapi
6. Pengemis itu berasa sangat lapar _____ dia tiada wang untuk membeli makanan.	walaupun

Praktis 4

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah ini. **KLON 2016**

dan	kerana	sambil	bahawa
apabila	lalu	agar	meskipun

Sebaik-baik sahaja selesai menjawab soalan ujian Matematik, Cikgu Hajar menghampiriku. Beliau memberitahuku _____ Kak Wirda kini berada di hospital akibat ditimpa kemalangan jalan raya. Aku sangat terkejut _____ menangis. Cikgu Hajar memujukku. Tidak lama kemudian, ibu _____ ayahku datang untuk membawaku ke hospital. Ibu segera memelukku _____ menyatakan keadaan Kak Wirda. Kakakku itu sedang nazak. _____ sampai di hospital, kami bergegas ke wad. Rupa-rupanya Kak Wirda telah meninggal dunia. _____ peristiwa itu telah seminggu berlalu, tetapi aku masih bersedih. Pemergian Kak Wirda menyebabkan kehidupanku kini sunyi _____ hubungan kami sangat akrab. Ibu menasihati _____ sering mendoakan kesejahteraan roh kakakku itu.